

**LAMPIRAN B**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**KENYATAAN TAWARAN**

**NO. SEBUTHARGA : PSUKPP/17/2023**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berkeelayakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berkaitan:

- 221703 - Agen Perkapalan; atau**
- 221705 - Agen Penghantaran; dan**
- 221706 - Pembungkusan dan Penyimpanan; dan**
- 221503 - (Kenderaan / Jentera / Kenderaan Rekreasi); dan**
- 221305 - Penyediaan Pentas/ Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan dan Karnival / Pestaria**

serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi pembekalan berikut:

**“PERKHIDMATAN KARGO UDARA DOOR TO DOOR SERVICE (DDU),  
PENGANGKUTAN DARAT / UDARA DAN PENGINAPAN DAN PEMBEKALAN  
PAKAIAN SERAGAM BAGI ROMBONGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
DAN USAHAWAN BAGI PENYERTAAN PEKAN RAYA SUMATERA UTARA DI  
MEDAN, INDONESIA”**

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **10 April 2023 (Isnin)**.

3. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 17 April 2023 (Isnin) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30 , KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

5. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh 90 hari dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang